

HARI :	KHAMIS
TARIKH :	8/8/2019
M/SURAT :	46

Didenda miliki kasut tiruan berjenama antarabangsa

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Seorang ahli perniagaan didenda RM14,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas tiga pertuduhan memiliki 88 pasang kasut jenama antarabangsa tiruan, Januari lalu.

Hakim Manira Mohd. Nor turut memerintahkan Lim Sow Fong, 56, dihukum penjara sembilan bulan sekiranya gagal membayar keseluruhan denda tersebut.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, tertuduh yang merupakan pemilik Laju Jaya Enterprise didakwa mempunyai empat pasang kasut jenama Channel, lapan kasut Louis Vuitton dan 76 kasut Gucci yang masing-masing mempunyai cop dagangan palsu di sebuah premis di Berjaya Times Square, Jalan Imbi di sini pada pukul 2 petang, 28 Januari lalu.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 8(2)(B) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda hingga RM10,000 bagi setiap barang atau penjara hingga tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Khotijah Mustapa memohon hukuman setimpal pengajaran terhadap tertuduh tambahan pula kesalahan yang dilakukan tertuduh merupakan yang kali kedua.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu dikenakan hukuman ringan dengan alasan tidak mengetahui barang dalam milikannya itu menggunakan cap dagangan palsu selain tidak mempunyai pendapatan tetap.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM1,500 atau penjara dua bulan bagi pertuduhan pertama; denda RM2,500 atau penjara tiga bulan serta denda RM10,000 atau penjara empat bulan bagi pertuduhan kedua dan ketiga. Tertuduh membayar denda tersebut.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP negeri telah melakukan pemeriksaan di premis tertuduh dan menjumpai 88 pasang kasut menggunakan jenama Channel, Gucci dan Louis Vuitton dan tertuduh mengaku kasut itu adalah miliknya, sebelum pihak berkuasa menyita barang berkenaan dan membuat laporan polis.